

27 JULAI 2017

## Terbabas cuba lolos diri dari polis

SINAR HARIAN • KHAMIS 27 JULAI 2017

DARI PERAK

49

### Terbabas cuba lolos diri dari polis

**SELAMA** -Taktik seorang lelaki yang cuba meloloskan diri daripada ditahan pihak polis tidak kesampaian apabila motosikal ditunggangnya terbabas ke bahu kanan jalan dalam kejadian di tepi jalan masuk ke Penempatan Semula Kampung Sangkut, Ijok, dalam Ops Tapis Khas, di sini, kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 12.35 tengah hari itu, polis turut menemui dadah jenis heroin seberat

51.8 gram.

Ketua Polis Daerah Solima, Deputi Superintendan Loo Lian Lay berkata, ketika berjaya ditahan, berlaku pergelutan dengan pihak polis kerana suspek cuba melarikan diri.

"Setelah pemeriksaan dijalankan, anggota polis menemui satu paket plastik lutsinar yang berisi dua tiub straw mengandungi bahan disyaki dadah jenis heroin di bahagian poket kecil hadapan sebelah kanan seluar jeans berwarna biru,"

katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Lian Lay berkata, pemeriksaan turut dilakukan di motosikal jenis SYM berwarna biru yang dinaiki suspek.

"Hasil pemeriksaan, anggota turut menemui satu beg kecil berwarna hitam dalam bakul motosikal terbabit.

"Di dalam beg berkenaan terdapat lima paket plastik lutsinar dan sembilan straw berisi bahan juga dipercayai dadah jenis heroin seberat 49 gram,"

katanya.

Mengulas lanjut, Lian Lay berkata, suspek kemudiannya dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Solima untuk siasatan lanjut.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 39B, Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan Seksyen 39A ADB 1952," katanya.

Dadah yang ditemui bersama suspek ketika ditahan dalam Ops Tapis Khas, kelmarin.

